

23 DEC 2001

Mahathir-PNB (Bergambar)

DR MAHATHIR RASMI PNB DARBY PARK

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan PNB Darby Park, pangsapuri dengan perkhidmatan milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Jalan Binjai, di sini.

Pangsapuri itu, yang dibuka pada 22 Julai lepas, diuruskan secara usahasama antara PNB Property Management Berhad dengan Sime Property International Ptd Ltd (Singapore).

Perdana Menteri dalam ucapan perasmiannya memuji usaha PNB menceburi sektor hartanah walaupun ia tidak memberi pulangan besar.

"PNB kini mencapai kejayaan yang cukup membanggakan dalam pelaburan perusahaan dan sektor hartanah," katanya sambil menambah PNB telah menjadi badan besar pelaburan dengan nilai pelaburan berpuluh-puluh bilion ringgit.

Menurutnya PNB juga menguruskan pelaburan bumiputera dengan cara bijak dan memberi pulangan yang lebih baik berbanding hanya menyimpan wang di bank.

Mengenai PNB Darby Park, Perdana Menteri berkata pangsapuri dengan perkhidmatan itu amat sesuai untuk pelancong asing yang mahu menginap lama di Kuala Lumpur kerana kadar sewanya yang berpatutan berbanding hotel.

Menurutnya PNB Darby Park, yang terletak di kawasan Segitiga Emas Kuala Lumpur, amat sesuai untuk didiami kerana mempunyai banyak kemudahan seperti berhampiran pusat membeli belah dan tempat ibadat iaitu Masjid KLCC.

Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau diberi peluang menginap satu malam di Darby Park yang membolehkannya merasai suasana penginapan di apartmen dan hotel di ibu negara.

Sementara itu, Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata Darby Park mempunyai 347 unit pangsapuri mewah dibina atas tanah seluas 1.01 hektar bernilai RM179.4 juta.

-- BERNAMA

RZS SHS NAK